BAB 1

BAB 1

1.1 PENDAHULUAN

Dewasa ini perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara merupakan satu isu serius terutama di negeri Kedah dan memerlukan satu kajian mendalam untuk mengenalpasti faktor-faktor berlakunya perkahwinan tersebut. Pasangan yang terbabit sengaja mengambil tindakan sedemikian, sedangkan terdapat peruntukan di dalam enakmen yang membolehkan pasangan tersebut berkahwin di Negeri Kedah.

Perkahwinan tanpa kebenaran berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah poligami, halangan dari keluarga, lari daripada mengikut peraturan dan terlanjur. Sebenarnya pasangan tersebut boleh berkahwin dengan mengikut undang-undang dan peraturan yang sedia ada di negeri Kedah jika berkeinginan berbuat sedemikian kerana ada peruntukan di dalam enakmen.

Keruntuhan akhlak dan gejala sosial yang melanda masyarakat Negeri Kedah ini menjadi masalah dan cabaran kepada Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK). Jika dilihat statistik yang dikeluarkan oleh JHEAIK kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran ini meningkat pada setiap tahun. Manakala dari aspek lain perkahwinan ini meragukan pihak MAIK dari segi kedudukan imam-imam yang mengakad nikah, siasatan terhadap pasangan, surat nikah tanpa kebenaran dan terdapat sindiket yang mengakad nikahkan pasangan tersebut.

Tindakan MAIK dan JHEAIK tidak mengiktiraf surat akuan nikah yang dilangsungkan tanpa kebenaran adalah bertujuan untuk menjaga hak pasangan yang telah berkahwin dari sudut perundangan yang berkuatkuasa di negeri Kedah. Walaupun tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa mendatangkan masalah kepada pasangan kerana mereka perlu mendaftar perkahwinan tersebut, namun ianya adalah satu langkah perlu untuk mengawal perkahwinan tanpa kebenaran ini daripada terus berlaku yang akan memberikan kesan yang negatif kepada pasangan yang terlibat.

Dari segi undang-undang, sesuatu perkahwinan yang tidak didaftarkan akan menimbulkan berbagai-bagai masalah seperti kesukaran menuntut hak-hak dalam perkahwinan dan selepas bercerai, tidak dapat mendaftar kelahiran anak, boleh ditangkap dan didakwa atas kesalahan berkhalwat serta dikenakan tindakan undang-undang oleh mahkamah.

Oleh itu, dalam menghadapi masalah-masalah sosial yang semakin serius dalam masyarakat Islam hari ini, pihak berkuasa telah mengambil pelbagai tindakan dengan menguatkuasakan undang-undang yang ada untuk mengawal seterusnya membenteras gejala perkahwinan tanpa kebenaran ini. Justeru, perlu digariskan strategi-strategi untuk menanganinya sama ada dalam bentuk mengkaji kembali hukum perkahwinan ini dan menyeragamkan undang-undang pentadbiran Islam khususnya undang-undang keluarga Islam di setiap negeri.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti faktor–faktor berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran serta permasalahan yang menyebabkan pasangan terlibat memilih berkahwin tanpa kebenaran.
2. Mengemukakan pendapat pihak-pihak berkaitan tentang perkahwinan tersebut seperti Hakim, Pendakwa, Pegawai Hal Ehwal Islam dan sebagainya dari segi syarak dan Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979.
3. Menganalisa kes-kes perkahwinan tanpa kebenaran di dalam negeri mahupun di luar negeri berpandukan kes-kes yang terdapat di Mahkamah Rendah Syariah di Alor Setar.
4. Menerangkan langkah-langkah yang diambil oleh Mahkamah Syariah untuk mengatasi permasalahan ini.
5. Membincangkan permasalahan yang bakal dihadapi oleh golongan tersebut dan memberi cadangan dan penyelesaian penulis sendiri.

1.3 KAWASAN KAJIAN

Negeri Kedah merupakan pilihan penulis sebagai lokasi kajian dan memberi tumpuan kajian kes di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Alor Setar, Kedah sebagai tempat kajian kes. Kajian akan ditumpukan di

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar kerana terdapatnya Pentadbiran Mahkamah. Kajian ini dirasakan akan memudahkan penulis mendapat maklumat daripada pihak-pihak berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran. Di samping itu, dapat membantu pasangan yang ingin berkahwin tanpa kebenaran membatalkan hasrat mereka memandangkan masalah-masalah dan keraguan pada perkahwinan tersebut. Keluasan kawasan kajian ini ialah 666 kilometer persegi atau 66,472.5. hektar yang merupakan daerah yang keempat terbesar di negeri Kedah selepas Kubang Pasu, Sik, Padang Terap. Secara umumnya daerah Kota Setar ini terbahagi kepada 34 mukim sepertimana yang dilampirkan pada Lampiran A. (Sila rujuk Lampiran A)

1.4 SKOP KAJIAN

Secara keseluruhan kajian ini lebih ditumpukan kepada isu perkahwinan tanpa kebenaran yang merangkumi proses-proses perkahwinan, faktor-faktor, peruntukan undang-undang dan kesan penguatkuasaan undang-undang. Selain itu kajian juga dibuat berdasarkan permasalahan, keraguan perkahwinan tanpa kebenaran seterusnya cadangan dan jalan penyelesaian. Kajian ini juga akan menumpukan dan menganalisis beberapa kes yang telah dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar.

1.5 KAJIAN LEPAS

Penulis juga telah membuat penelitian dan melakukan *review* kepada beberapa kajian yang telah dibuat. Terdapat beberapa kajian yang mempunyai hubungkait dengan kajian ini antaranya :

a) Melati Bt. Husin "Pandangan Masyarakat Islam Terhadap Kewibawaan Mahkamah Syariah" (Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Januari 1999).

b) Siti Zubaidah Bt. Wahab "Kuasa Hakim Dalam Pembubaran Perkahwinan", (Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Januari 1999).

c) Zuraida Bt. Ismail @ Mohd Nor "Penguatkuasaan Prosedur Perkahwinan Menurut **Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985"** (Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Januari 1999).

d) Yasirah Bt. Yazid "Bahagian Penguatkuasaan JHEAIK: Tugas Dan Peranannya Dalam Membenteras Jenayah Khalwat". (Latihan

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Januari 1999).

e) Nor Azah Bt. Hamid "Kes-Kes Jenayah Dan Penyelesaiannya Di Mahkamah syariah". (Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Januari 1999).

Kajian-kajian yang telah dibuat ini secara umumnya lebih banyak tertumpu kepada kewibawaan Mahkamah Syariah, Penguatkuasaan Undang-Undang, Kuasa Hakim, Prosedur Perkahwinan, Bentuk-Bentuk Kesalahan, Tujuan Penguatkuasaan dan kes-kes yang dibicarakan. Manakala kajian ynag akan dilakukan oleh penulis adalah lebih menjurus kepada persoalan perkahwinan tanpa kebenaran serta kesannya dari sudut perundangan. Kajian ini lebih kepada kajian kes di mana ianya ditumpukan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar dengan menganalisa kes-kes yang dilaporkan antara tahun 1996-2000. Sehingga kini masih belum ada kajian yang dijalankan bagi kes-kes yang telah dilaporkan antara tahun 1996 sehingga 2000.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

1.6.1 Metod Pengumpulan Data

Dalam kajian ini penulis, menggunakan beberapa kaedah bagi membantu untuk mengumpulkan data. Antara method yang digunakan ialah :

a) **Metod Kajian Perpustakaan.**

Metod dokumentasi ialah kaedah bagi mendapatkan maklumat berdasarkan kepada bahan bacaan yang berkaitan dengan tajuk yang dipilih. Kajian ini juga berbentuk kajian perpustakaan. Antara bahan bacaan yang dikumpul adalah seperti Enakmen-enakmen, Kitab-kitab Fiqh, Laporan-laporan kes mahkamah, buku, majalah, akhbar dan bahan bacaan sampingan yang lain. Kajian ini menggunakan data primer dan sekunder yang telah diproses bagi mendapatkan maklumat awal berhubung subjek kajian. Data sekunder ini didapati melalui penyelidikan di perpustakaan. Penulis menggunakan metod ini bagi mendapatkan maklumat awal berkenaan dengan kajian ini seperti mendapatkan maklumat berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran. Bagi tujuan tersebut, penulis telah mengunjungi beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan bahan dan maklumat antaranya ;

a) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

b) Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.

c) Perpustakaan Peringatan Za'aba, Universiti Malaya.

d) Perpustakaan INSANIAH, Alor Setar, Kedah.

e) Perpustakaan Jabatan Agama Islam Kedah.

Selain itu, segala maklumat yang berkaitan dengan dasar-dasar dan undang-undang Kerajaan Negeri Kedah juga dikumpulkan dengan mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan daripada pihak berkenaan.

b) **Kajian Lapangan**

Kajian lapangan ini adalah ditumpukan di daerah Kota Setar, Kedah yang melibatkan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Mahkamah Syariah Daerah Kota Setar dan Pejabat Agama Daerah Kota Setar. Segala maklumat yang diperolehi adalah releven dengan kajian yang dijalankan. Penulis juga telah menemubual tokoh-tokoh yang berkaitan (Rujuk bibliografi) yang mempunyai bidangkuasa di dalam kes-kes yang dikaji khususnya berkaitan isu perkahwinan tanpa kebenaran.

Metod Pengamatan

Penulis juga menggunakan pengamatan dalam menjalankan kajian ini. Pengalaman penulis sebagai Pegawai Tadbir Agama Daerah atau 'Kadhi' yang pernah terlibat secara langsung dalam menangani masalah perkahwinan tanpa kebenaran akan dapat memberi sedikit kelebihan dalam kajian yang dijalankan ini.

Metod Temubual

Metod temubual adalah metod pengumpulan data yang dilakukan secara sistematik, teratur dan berencana melalui wawancara (Lihat contoh-contoh soalan semasa temubual pada lampiran V-17 . Ia adalah cara untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari responden dengan cara berbual, bersoal jawab dan bersemuka dengan responden. Penulis telah memilih metod temubual dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat secara terus dan telus daripada tokoh-tokoh yang berkaitan dengan kajian ini.

Bagi memastikan proses temubual berjalan lancar, penulis terlebih dahulu menyediakan soalan-soalan yang akan dikemukakan. Metod temubual yang dilakukan adalah berbentuk formal dan tidak formal. Kedua-dua cara ini dilakukan berdasarkan kepada keadaan responden itu sendiri bagi memastikan temubual berlangsung dalam keadaan lancar. Maklumat-maklumat yang diperolehi melalui kaedah ini adalah penting dalam memastikan kajian yang dilakukan dapat dimasukkan fakta-fakta penting. Penulis menggunakan kaedah temubual bersemuka dengan tokoh-tokoh yang berkaitan dengan kajian ini. Antara faktor pemilihan temubual bersemuka ini dibuat adalah kerana:

a) Tokoh yang ditemubual memegang jawatan penting di dalam organisasinya.

b) Penyampaian fakta daripada tokoh ini melalui kaedah temubual adalah lebih tepat dan jelas. Sebarang kekeliruan dapat diatasi dan dijelaskan melalui temubual tersebut.

c) Kaedah temubual ini juga boleh memberikan kefahaman yang mendalam dan tertumpu kepada isu yang difokuskan sahaja.

d) Kaedah ini juga dapat membantu kajian ini secara menyeluruh dimana terdapat beberapa pandangan atau pendapat yang dilontarkan oleh tokoh-tokoj berkenaan sepanjang temubual.

e) Kaedah ini adalah satu pendekatan yang terbaik untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan tepat.

Metod kajian secara temubual ini melibatkan beberapa tokoh penting yang sedang berkhidmat di dua Jabatan iaitu:

a) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah

b) Jabatan Agama Islam Negeri Kedah

Setiap temubual yang dijalankan oleh penulis telah dirakamkan di dalam pita rakaman bagi memudahkan penulis membuat analisis daripada temubual tersebut.

1.6.2 Metod Menganalisis Data

Penulis telah memproses semua bahan yang telah dikumpulkan hasil daripada pembacaan dan penyelidikan, penelitian dan temubual. Penulis membuat analisa dan kesimpulan ke atas segala maklumat yang berkaitan. Metod analisa data yang digunakan adalah seperti berikut.

a) Metod Induktif

Metod ini adalah satu cara penganalisaan data dengan membuat kesimpulan atau pembuktian dari maklumat yang bersifat khusus untuk merumuskan satu kesimpulan yang berbentuk umum. Metod induktif juga merupakan metod yang diasaskan kepada cara berfikir yang bermula dengan mendapatkan data yang bersifat khusus untuk merumuskan sesuatu kesimpulan yang bersifat umum atau general. Penulis akan membentangkan huraian konsepnya secara khusus kepada

huraian berbentuk umum dengan menggunakan latarbelakang syariah bagi membincangkan isu perkahwinan tanpa kebenaran.

b) **Metod Deduktif.**

Metod deduktif ialah cara untuk menghuraikan sesuatu masalah dengan terperinci, yang mana ianya dilakukan dengan menggunakan data-data dan contoh-contoh yang dijelaskan. Ia juga adalah satu pendekatan yang bersifat umum kepada khusus. Penulis akan cuba untuk menganalisa data-data melalui pembacaan yang teliti daripada berbentuk umum kepada bentuk khusus dengan memberi penekanan kepada isu yang dikaji.

c) **Metod Komparatif**

Metod ini adalah satu cara membuat kesimpulan melalui perbandingan terhadap kes-kes tertentu dengan kes-kes yang dipilih bagi tahun yang sama dan yang lain.

1.7 Masalah Kajian

Dalam proses untuk menyiapkan kajian ini penulis menghadapi beberapa masalah yang mana sedikit sebanyak menggangu kelancaran kajian. Antara masalah tersebut ialah :

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

a. Kebanyakan kes perkahwinan tanpa kebenaran tidak dilaporkan atau didaftarkan mengikut **Undang-Undang Keluarga Islam Kedah 1979**. Jumlah pasangan yang mendaftar atau melaporkan perkahwinan tanpa kebenaran ini adalah kecil berbanding dengan yang sebaliknya.

b. Statistik terhadap perkahwinan tanpa kebenaran ini mendapati jumlah pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran di kawasan selatan Thailand adalah yang paling tinggi. Keadaan ini berpunca daripada masalah komunikasi antara dua pihak berkuasa agama khususnya Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Majlis Agama Islam bagi wilayah-wilayah selatan Thailand. Para jurunikah di wilayah selatan Thailand tidak merujuk kepada Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri Kedah terlebih dahulu sebelum menikahkan para pasangan terbabit.

c. Kedudukan negeri Kedah yang berjiran dengan negara Thailand memudahkan para pasangan untuk berkahwin di wilayah selatan Thailand. Perkara tersebut menjadi salah satu sebab mengapa perkahwinan tanpa kebenaran ini tidak dapat dibendung, tambahan pula pernikahan di selatan Thailand tidak memerlukan prosedur yang ketat untuk menjalankan upacara perkahwinan berbanding di negeri Kedah

BAB 2

PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN

2.1 PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan suatu ibadat yang dianjurkan oleh Islam, juga menjadi satu sunnah untuk diamalkan. Bukan sekadar mengamalkan sunnah Rasulallah s.a.w, Islam juga menekankan kepentingan perkahwinan bagi menguatkan perhubungan kekeluargaan. Allah S.W.T telah berfirman di dalam al-Quran ;

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ
وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَآءً ۚ
وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ
رَقِيبًا ﴿١﴾

Maksudnya : *"Wahai sekalian manusia ! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (Hawa), dan juga yang membiakkan dari kedua-duanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu."*

Surah Al-Nisa' (4): 1

Islam juga sememangnya menggalakkan umatnya berkahwin sebagai memenuhi fitrah kejadian manusia serta menjadi bukti kekuasaan Allah yang memberi rahmat kepada makhluknya. Ini jelas dengan beberapa firman Allah di dalam Al-Quran;

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya :*"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasan dan rahmatNya, bahawa Allah menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan."*

Surah al-Rum (30):

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ أَزْوَٰجِكُم بَنِينَ
وَحَفَدَةً وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ ۚ أَفَبِٱلْبَٰطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَتِ ٱللَّهِ هُمْ
يَكْفُرُونَ ﴿٧٢﴾

Maksudnya :*"Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu, anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda-benda yang baik lagi halal."*

Surah al-Nahl (16): 72

Selain daripada dalil tentang pensyariatan hukum perkahwinan, syariat Islam juga membenarkan golongan lelaki untuk berpoligami sekiranya dapat memberikan keadilan yang sewajarnya kepada isteri-isterinya, sepertimana firman Allah s.w.t :

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُم مِّنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ﴿٣﴾

Maksudnya : Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Surah Al-Nisa'(4): 3

Dalil pensyariatan berkahwin bukan sahaja disebut di dalam al-Quran, malahan terdapat juga beberapa hadis nabi s.a.w yang menggalakkan umat baginda supaya berkahwin. Di dalam sebuah hadis Rasulallah s.a.w bersabda.

عن أنس بن مالك رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم حمد الله وأثنى عليه، وقال : لكني أنا أصلي ، وأنام ، وأصوم ، وأفطر ، وأتزوج النساء ، فمن رغب عن سنتي فليس مني.

{متفق عليه}

Maksudnya: *"Sesungguhnya aku sembahyang, tidur, aku juga berpuasa dan berbuka, dan berkahwin. Barang siapa membenci sunnahku, bererti ia bukan dari umatku."*[1]

Dalam sebuah hadis yang lain pula Rasulallah s.a.w bersabda;

عن عبدالله بن مسعود رضي الله تعالى عنه قال : قال لنا رسول الله صلى الله عليه وسلم : يا معشر الشباب، من استطاع منكم الباءة فليتزوج ، فإنه أغض للبصر ، وأحصن للفرج ، ومن لم يستطع فعليه بالصوم ، فإنه له وجاء.

{متفق عليه}

Maksudnya: *"Wahai para pemuda ! Bila di antara kamu ada yang mampu berkahwin hendaklah ia berkahwin, kerana akan menjaga pandangan dan memelihara kemaluannya (kehormatan diri). Dan bila mana ia belum mampu berkahwin hendaklah ia berpuasa kerana puasa itu dapat mengawal nafsunya"*[2]

Meskipun Islam membenarkan umatnya berkahwin apabila cukup dan sempurna syarat dan rukunnya, namun amalan perkahwinan itu perlu dilakukan dengan sebaiknya agar ianya selaras dan sah sari sudut syariat. Amalan di negara ini yang juga menjadi amalan di negeri Kedah menurut undang-undang keluarga Islam yang terdapat di Malaysia khususnya Seksyen 9, **Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979** yang memperuntukan ;

Pernikahan yang tidak mematuhi syrat-syarat dalam Jadual Keempat adalah tidah sah dan tidak boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini.

---

[1] Muslim bin al-Hajaj (1955), *Sahih Muslim*, Jil.2, Kaherah, " Isa al-Babi al-Halabi ", hlm 783.
[2] Ibid.